

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ  
[ PASIR MAS ]**

**TARIKH : 28 MAC 2017 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [ Pasir Mas ] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah penguatkuasaan yang diambil oleh SPAD bagi mengatasi tragedi nahas bas ekspres daripada berulang.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) adalah merangkumi polisi dan dasar serta aktiviti penguatkuasaan fizikal yang berlandaskan kepada peruntukan undang-undang yang berhubung kait dengan pekerjaan dan keselamatan.

2. Langkah-langkah penguatkuasaan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

**i. Bahagian Dasar Dan Pelesenan:**

- Menguatkuasakan had umur kenderaan;
- mewajibkan pemasangan *Global Positioning System* (GPS) sebagai salah satu daripada Syarat Perkhidmatan bermula tahun 2010. Ia bertujuan untuk memantau pergerakan bas berdasarkan kedudukan dan kelajuan.

**ii. Pematuhan SPAD ICOP (*Industrial Code of Conduct*) Keselamatan:**

- SPAD dari masa ke semasa melaksanakan audit ke atas pengendali Bas untuk menilai tahap pematuhan

pengendali Bas berisiko tinggi terhadap peraturan SPAD ICOP Keselamatan yang dikuatkuasakan sebagai syarat lesen pengendali sejak Ogos 2013.

**iii. Bahagian Penguatkuasaan.**

- Penguatkuasaan Secara Fizikal seperti pemantauan secara statik di lokasi terpilih, pemeriksaan di hentian rehat dan rawat, rondaan berkenderaan di lebuh raya dan penyamaran di dalam bas ekspres;
- pemantauan melalui GPS dan langkah-langkah apabila kenderaan dipandu melebihi had laju. Pengendali dikehendaki mengambil tindakan apabila menerima Aduan dari SPAD, Aduan dari penumpang atau orang awam dan mengesan kenderaan yang diadukan melalui pusat kawalan masing-masing;
- tindakan yang perlu diambil adalah menghubungi pemandu dan mengarahkan pemandu untuk mengurangkan kelajuan, memaklumkan tindakan kepada Pengadu dan SPAD dan menyerahkan rekod GPS kepada SPAD untuk semakan dan tindakan susulan; dan
- Melaksanakan Operasi Bersepadu bersama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di lokasi-lokasi terpilih.

3. Mana-mana pengendali kenderaan pengangkutan awam darat yang didapati melakukan sebarang kesalahan di bawah peruntukan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 akan diambil tindakan sewajarnya, sama ada di kompaun, pergantungan lesen atau pembatalan lesen.

Sekian, terima kasih.